



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : <http://jpn.moe.gov.my/jpnjohor>
e-mel : jpn.johor@moe.gov.my
Telefon : 07-2311480/481 Faks : 07-2380742

Rujukan Kami : JPN.600-3/4/4 Jld. 3 (48)

Tarikh : 28 Julai 2025

Guru Besar

Sekolah Rendah seperti di senarai edaran

Melalui,

Pegawai Pendidikan Daerah

Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor

Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENGHADIRI KEM SEMARAK DIGITAL PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2025 KATEGORI SEKOLAH RENDAH

Dengan sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan Dasar Pendidikan Digital melalui Kem Semarak Digital di setiap negeri. Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Batu Pahat dan Universiti Tun Hussein Onn akan menganjurkan Kem Semarak Digital Peringkat Negeri Johor Tahun 2025.

2. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Johor amat berbesar hati memohon jasa baik tuan/puan untuk memberi pelepasan kepada guru dan murid yang terlibat seperti (di Lampiran 1) untuk menghadiri program mengikut ketetapan berikut:

Tarikh : 11 hingga 13 Ogos 2025
Masa : Sepenuh masa
Tempat Program : Makerspace, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat
Tempat Penginapan : Kolej Kediaman Perwira, UTHM

3. Pihak sekolah juga diingatkan supaya memastikan aspek keselamatan murid perlu diberi perhatian pada setiap masa dan mematuhi surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, surat makluman dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa. Pihak sekolah mestilah memastikan murid yang menyertai program berkenaan telah mendapat keizinan oleh ibu, bapa / penjaga masing-masing secara bertulis.

4. Pegawai kami, **Encik Mohd Faizal bin Sabtu**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian **07-2311493** atau **faizal.sabtu@moe.gov.my** sedia membantu untuk maklumat lanjut. Kerjasama pihak tuan memberikan keutamaan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)

Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k. 1. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor

**JEMPUTAN MENGHADIRI KEM SEMARAK DIGITAL PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN
2025 KATEGORI SEKOLAH RENDAH**

SENARAI EDARAN:

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BATU PAHAT

1. Guru Besar SK Air Hitam
2. Guru Besar SK Pintas Raya
3. Guru Besar SK Seri Telok

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH MERSING

1. Guru Besar SK Tanah Abang
2. Guru Besar SK Labung
3. Guru Besar SK Peta

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KLUANG

1. Guru Besar SK Pengkalan Tereh
2. Guru Besar SK Seri Sedohok
3. Guru Besar SK Punan

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA TINGGI

1. Guru Besar SK Kampong Layau

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SEGAMAT

1. Guru Besar SK Kampong Kudung
2. Guru Besar SK Segamat Kecil

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KULAI

1. Guru Besar SK Sayong Pinang

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JOHOR BAHRU

1. Guru Besar SK Ladang Pendas

**JEMPUTAN MENGHADIRI KEM SEMARAK DIGITAL PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN
2025 KATEGORI SEKOLAH RENDAH**

SENARAI NAMA PESERTA:



<https://docs.google.com/spreadsheets/d/1L0pggGIJTj5Ss1VqdJNdL8aH9b2W-ZpAZcu2NKGDtQM/edit?usp=sharing>

JEMPUTAN MENGHADIRI KEM SEMARAK DIGITAL PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2025 KATEGORI SEKOLAH RENDAH

TENTATIF PROGRAM:

11 Ogos 2025 (Isnin)	
Masa	Aktiviti
8:30 – 9:00 pagi	Pendaftaran & Ice-Breaking Aktiviti Digital
9:00 – 12:30 tengah hari	Slot 1: Pengenalan asas Google Drive – mencipta folder, memuat naik gambar atau dokumen, dan berkongsi fail asas. Aktiviti - Mencipta folder peribadi dan memuat naik gambar tugas sekolah (Google drive and sheet)
12.30 – 2.00 petang	Rehat / Solat Zohor
2:00 – 5:00 petang	Slot 2: Reka bentuk objek asas seperti bentuk geometri atau keychain menggunakan Thinkercad Aktiviti - Hasilkan reka bentuk “name tag” 3D nama masing-masing

12 Ogos 2025 (Selasa)	
Masa	Aktiviti
8:30 – 12:30 tengah hari	Slot 1: Reka bentuk poster asas menggunakan templat sedia ada. Fokus kepada pemilihan warna, imej dan teks pendek Aktiviti - Hasilkan poster menggunakan canva
12.30 – 2.00 petang	Rehat / Solat Zohor
2:00 – 5:00 petang	Slot 2: Pengenalan kepada robotik menggunakan simulasi visual. Peserta diajar konsep asas input-output melalui aktiviti seperti kawal lampu LED secara simulasi. Aktiviti - Menyala lampu mengikut aturcara yang dibina (konsep asas aturcara dan robotik)

13 Ogos 2025 (Rabu)	
Masa	Aktiviti
8:30 – 12:30 tengah hari	Slot 1: Membina animasi asas seperti pergerakan watak dan dialog menggunakan platform Scratch Aktiviti - Hasilkan animasi perkenalan diri menggunakan scratch
12.30 – 1.45 petang	Rehat / Solat Zohor
2:00 – 3:30 petang	Slot 2: Pendedahan kepada teknologi dron melalui pendekatan tontonan, simulasi dan demonstrasi Aktiviti – Penerangan dan tontonan simulasi kawalan dron. Aktiviti lebih bersifat demonstrasi dan kuiz interaktif tentang jenis dan kegunaan dron
3:30 – 4:30 petang	Majlis Penutupan Kem Semarak Digital Peringkat Negeri Johor Tahun 2025

JEMPUTAN MENGHADIRI KEM SEMARAK DIGITAL PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2025 KATEGORI SEKOLAH RENDAH

TINDAKAN GURU PEMBIMBING:**SEBELUM PERTANDINGAN:**

1. Memastikan murid yang hadir telah mengisi borang kebenaran ibu bapa dan borang deklarasi kesihatan.
2. Memastikan guru pengiring telah mengisi borang kebenaran penggunaan kenderaan sendiri.
2. Memastikan pasukan sekolah dan ibu bapa sudah maklum berkaitan pelaksanaan program di peringkat negeri.
3. Membuat persediaan berkaitan keperluan untuk ke program negeri.

SEMASA PERTANDINGAN:

1. Memastikan murid telah menyerahkan borang kebenaran ibu bapa dan borang deklarasi kesihatan dan membawa borang ke lokasi program.
2. Menyerahkan borang kebenaran ibu bapa dan borang deklarasi kesihatan kepada Urus setia yang bertugas di lokasi program.
3. Memastikan kawalan dan keselamatan murid di lokasi program dan lokasi penginapan sepanjang masa.
4. Memastikan murid membawa keperluan berkaitan program dan keperluan diri ke lokasi program.

SELEPAS PERTANDINGAN:

1. Memastikan murid membersihkan lokasi penginapan sebelum keluar daripada penginapan.
2. Memastikan kunci bilik penginapan telah diserahkan kepada Urus setia bertugas.

